



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MAJLIS PERASMIAN
KURSUS PENULISAN TEKS UCAPAN
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TAHUN 2019**

**TEMPAT:
PUTRA EKSEKUTIF LOUNGE, ARAS 3 SELATAN,
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
PUTRAJAYA**

**TARIKH:
19 JUN 2019 | RABU**

1. Terima kasih kepada Tuan Pengacara Majlis.
2. Bismillahi Rahmani Rahim.
3. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
4. Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.
5. **YBhg. Dato' Dr. Zulkefli bin Ibrahim,**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),

YBrs. Tn. Sharif bin Aziz,
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat,

YBrs. Tuan Mohd Hisham bin Mohd Nor,
Ketua Cawangan Perhubungan Awam, Ibu Pejabat,

YBrs. Encik Abdul Karim bin Abu Bakar,
Penceramah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia,

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan, wakil daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, para peserta kursus serta hadirin yang dihormati sekalian.

6. Alhamdulillah, pertama-tamanya, marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada **Allah Azza Wa Jalla** atas kurniaan nikmat kehidupan serta rahmat kesihatan yang mengizinkan kita untuk bersama-sama meluangkan masa pada pagi 15 Syawal ini untuk berkumpul dalam **Majlis Perasmian Kursus Penulisan Teks Ucapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi tahun 2019**.
7. Mungkin masih belum terlewat untuk saya mengambil ruang ini bagi menzahirkan ucapan Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang hadir pada pagi ini.
8. Saya juga merakamkan sekalung penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) serta mengalu-alukan kehadiran penceramah daripada DBP, **YBrs. Encik Abdul Karim bin Abu Bakar**.

9. Mudah-mudahan segala tunjuk ajar dan perkongsian ilmu daripada pihak tuan kelak, berupaya menjana horizon baru kepada semua peserta kursus ke arah memperkasa modal insan dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

10. Ucapan penghargaan ini, turut saya panjangkan kepada Cawangan Perhubungan Awam, Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat, atas inisiatif baik dalam mencetus serta merencana penganjuran Kursus Penulisan Teks Ucapan ini.
11. Di samping bertujuan untuk menggilap bakat serta meningkatkan kemahiran penulisan warga Kastam, saya yakin dan percaya bahawa penganjuran kursus sebegini boleh dijadikan sebuah platform yang signifikan dalam merencanakan lagi penguasaan serta penggunaan Bahasa Melayu yang betul, khasnya bagi urusan rasmi.

12. Teks ucapan merupakan sebuah wadah komunikasi yang lazimnya dilafazkan bagi menyampaikan sebuah kenyataan atau agenda kepada sekumpulan masyarakat.
13. Pembikinan teks ucapan yang baik dengan kandungan yang berkualiti adalah sangat penting dalam memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat diterima dengan jelas dan berkesan.
14. Justeru, proses penghasilan teks ucapan ini perlu disulami dengan ilmu pengetahuan dan gaya penulisan yang komprehensif, selaras dengan hasrat kursus yang kita anjurkan pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

***Amanah Berkhidmat Ikhlas Dedikasi,
Slogan Keramat Sejahtera Rakyat;
Ilmu Dicari Tiada Yang Rugi,
Bekalan Rahmat Dunia Akhirat.***

15. Kepada semua peserta kursus, besarlah harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menggunakan ruang dan peluang yang dihidangkan ini dengan sebaik-baiknya demi menimba ilmu pengetahuan yang bermanfaat.
16. Akhir kalam, dengan lafaz keramat **Bismillahi Rahmani Rahim**, saya dengan penuh rasa takzim dan sukacita merasmikan **Kursus Penulisan Teks Ucapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi tahun 2019**.
17. Mudah-mudahan aliran ilmu yang ditadah berupaya mencorak keunggulan jati diri dan memangkin kecemerlangan modal insan warga Kastam secara holistik.
18. Sekian, selamat menjalani kursus dan selamat maju jaya kepada semua.
19. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' PADDY BIN ABD HALIM,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
TARIKH: 19 JUN 2019